

TEKS UCAPAN OLEH YBHG PROFESOR DR AHMAD YUSOFF  
BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM SEMPENA MAJLIS MAKAN  
MALAM LAWATAN UNIVERSITI DIAN NUSWANTORO (UDINUS),  
KE UTeM JAM 8.30 MALAM PADA 03 DISEMBER 2009.

Bismillahir rahmannirrahim.

Assalamualaikum wrt. wbt.

Terima kasih saudari pengurus majlis

Yang Berbahagia Dr Ir Edi Noersasongko

Rektor Universiti Dian Nuswantoro (UDINUS)

Yang Berbahagia Puan Tri Rustanti,

Ketua Yayasan UDINUS

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd. Nor bin Husain, Timbalan  
Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Yang Berbahagia Datuk Profesor Madya Dr Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Yang dihormati ahli-ahli delegasi UDINUS

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zolkepli bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berbahagia Encik Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM

Yang dihormati delegasi Universiti Dian Nuswantoro

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Dekan-Dekan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya berasa amat bersyukur terhadap Allah SWT yang telah melimpahkan rahmatnya mengizinkan kita semua berkumpul pada malam ini. Tujuan majlis ringkas dan sederhana pada malam ini ialah untuk mengalu-alukan dan meraikan tetamu-

tetamu dari Universiti Dian Nuswantoro (UDINUS), Indonesia ke UTeM.

Untuk itu saya mengambil kesempatan ini dengan rasa rendah diri mengucapkan selamat datang sekali lagi ke UTeM, dan Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah serta negara Malaysia secara amnya.

Harapan saya semoga ahli-ahli delegasi daripada UDINUS seramai 63 orang kesemuanya yang terdiri daripada staf dan pelajar berasa selesa sepanjang berada di sini mulai hari ini (03 Disember) sehingga kembali ke Indonesia pada 6 Disember 2009 (ahad) .

Tujuan kehadiran delegasi UDINUS ke mari di samping sebagai tetamu UTeM, juga bertujuan untuk menyertai Seminar “International Conference and Patern Recognition” (SOCPAR) yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) mulai 4-7 Disember. Lawatan ini adalah kunjungan balas dan pengukuh ikatan antara kedua-dua Universiti yang menandakan bahawa UTeM dan UDINUS sangat komited untuk mengadakan kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Saya juga berharap agar kehadiran UDINUS ke SOCPAR akan memberi manfaat dari segi peningkatan ilmu pengetahuan kedua-dua negara. SOCPAR yang dilaksanakan dengan kerjasama antara UTeM dengan kerajaan Negeri Melaka di bawah naungan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) adalah langkah untuk meningkatkan pengetahuan di samping bertukar fikiran dalam memperkasakan diri dengan perasaan ukhwah sesama bangsa yang serumpun.

Ini sudah tentunya dapat menyatukan kita dalam satu wadah dan perasaan untuk merealisasikan pembangunan akademik di kedua-dua negara terutamanya dalam aspek peningkatan kualiti pendidikan, pertukaran maklumat serta melihat kerjasama yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

Saya percaya kerjasama antara UTeM dan UDINUS adalah saling menyokong antara satu sama lain, lebih-lebih lagi untuk meningkatkan kecekapan sumber manusia, mengoptimum input untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kecekapan tadbir urus universiti.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada delegasi Universiti Dian Nuswantoro (UDINUS) kerana sudi datang ke Melaka dan seterusnya hadir ke majlis yang sangat bermakna ini. Saya memohon kemaafan sekiranya terdapat kekurangan sepanjang saudara-saudari berada di sini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada seluruh warga UTeM terutamanya kepada Pejabat Canselori dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis pada malam ini.

Sekian terima kasih, Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum waramatullah hiwabarakatuh.